

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Okt. ober/November 1994

AKP401 - PENGAUDITAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Soalan-soalan dari Bahagian A adalah WAJIB. Pilih dan jawab DUA soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Persoalan seringkali dimajukan "mengenai tanggungjawab juruaudit yang bebas untuk menyelesaikan masalah penipuan, ketidakseimbangan dan lain-lain perkara yang tidak konsisten". Seterusnya persoalan juga dibangkitkan mengenai apakah tindakan yang diambil oleh juruaudit jika dalam pemeriksaannya ditemui hal-hal yang membangkitkan kecurigaan mengenai adanya penipuan.

Dikehendaki:

- (a) Apakah (i) fungsi dan (ii) tanggungjawab juruaudit dalam pemeriksaan laporan kewangan? Bincangkan secara lengkap (tanpa membahaskan isu penipuan).
- (b) Apakah tanggungjawab juruaudit untuk mengenal pasti adanya penipuan? Sila bahaskan dengan lengkap.
- (c) Apakah tindakan yang perlu diambil oleh juruaudit perseorangan jika dalam proses pemeriksaan audit didapati hal-hal aneh yang menimbulkan kecurigaannya akan adanya penipuan? Anda perlu menyokong jawapan melalui sekurang-kurangnya satu IAG yang dianggap sesuai.

[20 markah]

...2/-

2. Sebagai seorang akauntan, anda telah menerima tugas untuk melakukan audit penyata kewangan tahunan syarikat Indah Maju Sdn. Bhd. Syarikat menjalankan perniagaan peralatan komputer. Dalam proses pemeriksaan, anda dapati bahawa prosedur audit tradisional yang diamalkan adalah tidak jelas. Akibatnya anda mungkin perlu memberi tumpuan yang lebih mendalam kepada "analytical procedures" ke atas data semasa proses audit dijalankan. Pengujian analitikal ini juga akan digunakan ketika proses pengeposan perakaunan ke atas rekod-rekod termasuklah pengiraan nisbah yang telah dibandingkan dengan nisbah tahun lalu atau perbandingan nisbah industri dan amalannya. Contoh pengujian (analytical procedures) adalah pengiraan pusingan kadar inventori (turnover) dan pengiraan jumlah hari dalam urusaniaga (number of days in receivables).

Dikehendaki:

- (a) Bahaskan kebaikan kepada anda sebagai seorang akauntan dalam penggunaan nisbah-nisbah sebagai alat pengujian (analytical procedures) di dalam proses pengauditan.
- (b) Di samping pengiraan-pengiraan di atas, sebutkan nisbah-nisbah yang boleh digunakan oleh akauntan dalam suatu proses audit untuk pengujian maklumat kunci kira-kira dan penyata pendapatan.
- (c) Jika anda mendapati bahawa tidak terdapat suatu perubahan penting dalam suatu nisbah yang dibandingkan dengan nisbah tahun lalu, apakah tindakan anda?
- (d) Berikan alasan yang mungkin bagi perubahan-perubahan dalam nisbah-nisbah berikut:
 - (i) Kadar pusingan inventori (nisbah kos barang dijual dan purata inventori) telah menurun dari indeks tahun lalu.
 - (ii) Tempoh kutipan penghutang dalam (hari) telah meningkat berbanding tahun lalu.

[20 markah]

...3/-

3. Joe dan Jie adalah sahabat yang bekerja di firma perakaunan yang berbeza. Mereka telah membahaskan kebaikan dan manafaat kawalan dalaman untuk menentukan jumlah bukti pemeriksaan yang harus dikumpulkan dalam suatu tugas audit. Joe berpendapat bahawa sistem kawalan dalaman pada setiap firma adalah penting dan perlu diteliti dengan cermat tanpa memperdulikan besar atau kecil jenis perniagaan. Joe juga memberitahu bahawa firma perakaunan perlu mempunyai standard "kawalan dalaman" dan carta aliran akaun yang membolehkan pertanyaan dibuat kepada pelanggan untuk setiap kali proses audit dijalankan. Tambahan beliau, firma perakaunan perlu menilai sistem ini dengan cermat dan mengubahnya jika perlu, kerana bukti yang dikumpul adalah hasil daripada kawalan yang ada.

Jie menjawab, beliau yakin bahawa sebahagian besar daripada firma perniagaan kecil yang diauditnya tidak memilih sistem kawalan dalaman yang sesuai. Oleh kerana itu beliau tidak lakukan penilaian dan pemeriksaan terhadap sistem kawalan dalaman. Beliau percaya bahawa sistem tersebut tidak memadai, kemudian beliau berkata:

Why should I spend a lot of time obtaining an understanding of the internal control structure and assessing control risk when I know it has all kinds of weaknesses before I start? I would rather spend the time it takes to fill out all those forms in testing whether the statements are correct.

Dikehendaki:

- (a) Tunjukkan secara umum perbezaan penting di antara sifat kawalan dalaman yang terdapat pada firma besar dan firma kecil.
- (b) Berikan pandangan anda terhadap pendapat Joe dan Jie dan berikan pendapat anda sendiri mengenai persamaan dan perbezaan yang harus ada dalam penilaian sistem kawalan dalaman pada firma yang mempunyai keluasan yang berbeza.

[20 markah]

...4/-

Bahagian B

4. (a) Secara ringkas dan tepat jelaskan maksud berikut:

- (i) "Substantive tests".
- (ii) "Compliance procedure".

(b) Mengikut IAG 3:

Management is responsible for maintaining an adequate accounting system incorporating various internal control to the extent appropriate to the size and nature of the business.

- (i) Jelaskan maksud kenyataan di atas dan nyatakan objektif dan kepentingannya dari sudut auditor.

[20 markah]

5. (a) Bincangkan bagaimana model $AR = IR \times CR \times DR$ dapat membantu anda sebagai juruaudit dalam perancangan audit dan tahap risikonya.

(b) Beri definisi 'Materiality' dan 'Risiko' yang digunakan oleh akauntan dalam proses audit. Nyatakan apakah hubungan yang terdapat di antara 'materiality dalam pembentangan laporan audit' dengan laporan yang dibentangkan dengan wajar.

(c) Jelaskan perbezaan penting di antara statistik dan non-statistik sample. Apakah yang menjadikan dua bahagian utama dari kaedah statistik dan non-statistik?

[20 markah]

...5/-

6. Berikut ialah bahagian-bahagian dan satu audit yang harus dilakukan oleh suatu firma yang tahun penutupan berakhir pada 31 Mac:
- (a) pengesahan akaun belum bayar.
 - (b) melakukan "test of transaction" untuk setiap perolehan (acquisition) dan gaji.
 - (c) melakukan "test of details of balances" untuk akaun belum bayar.
 - (d) melakukan "tests for review of subsequent events".
 - (e) pre-plan the audit.
 - (f) terbitkan laporan audit.
 - (g) penilaian sistem kawalan dalaman.
 - (h) melakukan "analytical procedures" untuk akaun belum bayar.
 - (i) tentukan risiko yang diharapkan melalui pengiraan materiality dan tahap 'tolerable misstatement'.

Dikehendaki:

- (i) Susun bahagian (a) hingga (i) mengikut susunan yang anda fikir sesuai untuk suatu pemeriksaan audit dan berikan penjelasan serta contoh-contoh.
- (ii) Tujukkan bahagian yang sering dilakukan sebelum 31 Mac dan beri penjelasan kenapa anda berbuat demikian?

[20 markah]

7. (a) IAG 17 menyatakan mengenai pihak-pihak yang berhubungan (related parties):
- (i) Apakah maksud "related party"? Bincangkan bagaimana audit boleh mengawal parti kehadiran kumpulan ini. Mengapa kumpulan ini dianggap penting dalam proses audit serta? Berikan contoh "related party" untuk mengukuhkan jawapan anda.
- (b) Secara ringkas dan tepat jelaskan maksud:
- (i) "analytical procedures".
 - (ii) "integrity, objectivity and independence".
 - (ii) 'hubungan di antara kawalan dalaman dan objektif audit".

[20 markah]

---ooo000ooo---